

**UCAPAN**  
**YDP MPSP, YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF**  
**5 APRIL 2015 (SUNDAY), 9.00 A.M.**  
**ST. MARK'S CHURCH,**  
**JALAN PANTAI BUTTERWORTH.**

---

**Yang Berhormat Tuan Law Heng Kiang**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed**

CEO Think City Sdn.Bhd

**Dr. Neil Khor**

COO Think City Sdn.Bhd

**Encik Murali**

Merangkap Project Director of Butterworth

**Yang Berusaha Reverand John Kennady**

Paderi Gereja Saint Mark

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Selamat pagi kepada semua.

Saya amat berbesar hati untuk hadir bersama Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini di Karnival St. Mark's dengan kerjasama Pejabat Exco Pelancongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MPSP dan Think City Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YB Danny Law Heng Kiang, tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir bagi menjayakan karnival untuk mengumpul dana bagi pemuliharaan bangunan gereja ini. Kehadiran semua pihak pada hari ini di hujung minggu adalah mencerminkan satu komitmen yang luhur dan kesedaran terhadap pemuliharaan bangunan warisan.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

Seperti yang telah kita sedia maklum, Gereja St. Mark's ini telah berusia hampir 120 tahun. Pihak MPSP telah pun menyenaraikan gereja ini sebagai salah satu dari bangunan warisan di dalam Inventori Warisan Ketara Daerah Seberang Perai Utara. Ini adalah tujuan perwartaan sebagai salah sebuah bangunan warisan di Pulau Pinang. Seperti yang dimaklumkan, karnival ini bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi tujuan pemuliharaan bumbung gereja yang usang yang mana memakan belanja sebanyak RM 485,000.00.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai destinasi pelancongan, tapak warisan keagamaan bukan sahaja mendorong pelancongan antarabangsa dan perkembangan ekonomi, tetapi juga menyediakan platform pertemuan utama bagi pengunjung dengan penduduk tempatan, disamping memberi sumbangan yang penting kepada toleransi, penghormatan dan saling memahami budaya dan agama yang berbeza.

Di antara pelbagai tujuan pelancongan (*motivations for travelling*), mengunjungi tapak kebudayaan atau keagamaan berada di kedudukan yang tinggi dalam senarai keinginan pelancong. Dengan memanfaatkan

minat yang semakin meningkat dalam sektor pelancongan yang berunsurkan keagamaan di seluruh dunia bukan sahaja memberi manfaat kepada sektor pelancongan, tetapi amat penting dalam membangunkan dialog kebudayaan dan kedamaian di peringkat tempatan mahupun global.

Setiap pekan atau bandar di Malaysia ini pastinya mempunyai tradisi, kebudayaan, perayaan keagamaan dan pusat keagamaan yang tersendiri. Pelancongan berunsurkan keagamaan meningkatkan aktiviti ekonomi serta membantu melindungi warisan kita yang kaya dengan sejarah. Ini memainkan peranan penting dalam masa depan sektor pelancongan. Tapak warisan keagamaan mempunyai nilai yang tidak terhingga sehingga boleh dijadikan sumber pendidikan kepada orang awam, identiti dan kebanggaan.

Pelancongan berunsurkan keagamaan juga boleh dijadikan sebagai elemen yang penting bagi meningkatkan kesedaran untuk melindungi harta warisan. Ini secara tidak langsung membantu memelihara tapak-tapak yang penting ini. Oleh yang demikian, Integriti dan kesahihannya mestilah dipelihara supaya nilai-nilai sedia ada dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

Saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara warisan di negeri kita terutamanya di Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.